

Latih penduduk tingkat pendapatan

Ecer beri kepercayaan kepada Unisza laksana projek Penyelidikan Geran Empowerment 2015

KUALA NERUS – Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) terus melakar kejayaan apabila diberi kepercayaan untuk melaksanakan projek Penyelidikan Geran Empowerment 2015 daripada Wilayah Ekonomi Pantai Timur (Ecer) berjumlah RM2.8 juta bagi tempoh dua tahun.

Satu majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) itu berjalan dengan lancar, di mana Unisza diwakili Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Yahaya Ibrahim menerima watak berkenaan daripada Ketua Pegawai Eksekutif Ecer, Datuk Sri Isaac Sevalingam.

Yahaya ketika ditemui berkata, di bawah geran ini, Unisza telah diberi kepercayaan oleh pihak Ecer untuk melatih penduduk tempatan khususnya di daerah Kemaman dan Dungun melalui program empowering bagi meningkatkan pendapatan keluarga.

"Hampir 200 peserta telah dipilih bagi mengikuti program ini yang terdiri dalam kalangan masyarakat di dua daerah berkenaan yang termasuk di bawah aras kemiskinan.



Yahaya (kanan) ketika bertukar dokumen MoU dengan Isaac.

"Pihak Unisza juga akan memantau prestasi peserta dan mereka akan diberikan kemudahan kredit bagi mengendalikan perniagaan sendiri selepas mengikuti program berkenaan," katanya.

Katanya lagi, pihak Unisza khususnya Unisza Perunding Sdn Bhd dan unit keusahawanan akan diberi tanggungjawab bagi mengendalikan program itu di bawah modul yang telah

ditetapkan.

"Saya yakin dengan kepakaran dan pengetahuan luas Unisza ia boleh membantu pihak kerajaan dan Ecer khususnya dalam memastikan setiap peserta yang mengikuti program ini berjaya serta melepasi tahap kemiskinan nasional," katanya ketika ditemui.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Pembangunan) Unisza, Prof Dr

Ekhwan Toriman berkata, sebanyak dua pusat penyaluran telah dibuka di Kemaman dan Dungun bagi memudahkan investori dan pelaksanaan modul empowering ini agar dapat dilaksanakan dengan berkesan oleh pihak Unisza dan Ecer.

"Program selama dua tahun ini diharap dapat membantu dan membimbing peserta mengenai peluang perniagaan tuncit serta aktiviti sara diri

yang boleh meningkatkan pendapatan peserta.

"Pihak Ecer juga telah bekerjasama dengan bank tempatan bagi menyediakan kemudahan kredit mikro kepada peserta. Dengan ini masalah menyediakan modal asas untuk memulakan perniagaan dapat dipermudahkan seterusnya memberikan peluang kepada peserta memulakan perniagaan mereka tanpa risiko besar," katanya.

JOM SOLAT	
KUALA NERUS	
SUBUH	5:45
SYURUK	7:03
ZOHOR	1:14
ASAR	4:28
MAGHRIB	7:21
ISTYAK	8:33